

Penawaran kursus tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi pengajian tinggi awam Malaysia Platform utama ke arah memperkenalkan tamadun Cina

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20407622&lokasi=lokal>

Abstrak

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan satu kursus wajib yang perlu diikuti oleh setiap pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kursus ini, antara lain, bertujuan untuk mempelajari dan memahami bagaimana tamadun-tamadun besar dunia terbina. Hal ini penting agar tamadun Malaysia yang bakal dibina oleh rakyat Malaysia dari pelbagai etnik dapat mengambil kira resipi yang ada dalam setiap tamadun besar yang dimiliki mereka, seperti tamadun Islam, tamadun Melayu, tamadun India, dan tamadun Cina. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada tamadun Cina. Sebagai salah satu sebuah tamadun awal dunia, tamadun Cina telah memperlihatkan perkembangan dalam tiga aspek penting ketamadunannya, yaitu corak pemikiran, perkembangan sains dan tekbologi, juga sosio-budaya khususnya mencakupi bidang kesusateraan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini coba melihat sejauh manakah pengisian, pengaruh, dan kerelevanan tamadun Cina dalam genre sastera dapat dimanfaatkan dalam usaha menjana pembinaan tamadun Malaysia. Pada masa yang sama, gabungan dua tamadun ini akan mengukuhkan lagi jalinan hubungan anata Cina dan Malaysia